



# MANUAL PENGGUNA SISTEM e-PTG

Edisi ini terpakai pada ePTG versi 1.0 dan sah sehingga ianya digantikan dengan edisi terbaru.

## KANDUNGAN


1.0	MENGENAI SISTEM .....	1
1.1	Mengakses Sistem.....	1
1.2	Pendaftaran Akaun.....	2
1.3	Log Masuk Kali Pertama dan Verifikasi Akaun .....	4
2.0	PEMBAYARAN CUKAI.....	6
2.1	Carian dan Semakan Maklumat Cukai Tanah.....	6
2.1.1	Carian Melalui Nombor Hakmilik/Nombor Akaun.....	8
2.1.2	Carian Melalui Perincian Maklumat Hakmilik.....	10
2.2	Membuat Pembayaran Cukai.....	13
2.2.1	Tambah Maklumat Cukai ke Bakul.....	13
2.2.2	Pembayaran Menggunakan Perbankan Atas Talian (FPX).....	18
2.3	Melihat Rekod Bayaran Cukai Tahun Semasa .....	22
3.0	SEMAKAN PERSERAHAN .....	23

## 1.0 MENGENAI SISTEM

### 1.1 MENGAKSES SISTEM

1. Akses sistem dengan memasukkan URL berikut kedalam pelayar web (Google Chrome, Mozilla Firefox, Microsoft Edge, dsb.).


<https://eptg.ptgkedah.gov.my/>



Rajah 1.1.1 Halaman Utama Portal Perkhidmatan e-PTG


## 1.2 PENDAFTARAN AKAUN

1. Pendaftaran akaun adalah tidak diwajibkan sekiranya pengguna memilih untuk membuat urusan berkenaan bayaran cukai tanah atau semakan perserahan. Kedua-dua urusan ini boleh dilakukan tanpa mempunyai akaun berdaftar di dalam sistem e-PTG.
2. Namun untuk membuat urusan berkenaan carian persendirian dan carian rasmi serta urusan perserahan, pengguna perlulah mempunyai akaun yang berdaftar dan log masuk kedalam sistem terlebih dahulu. Jika masih belum berdaftar, pendaftaran perlulah dibuat sebelum sebarang urusan yang melibatkan carian persendirian dan carian rasmi boleh dilakukan.
3. Untuk mendaftar, klik pada butang **Log Masuk** pada bahagian menu **Log Masuk** pada bahagian atas sebelah kanan sistem.



Rajah 1.2.1 Menu Log Masuk e-PTG

4. Halaman log masuk sistem e-PTG akan dipaparkan. Klik pada butang **Daftar Akaun** untuk mendaftar.



Rajah 1.2.2 Daftar Akaun

- Masukkan maklumat yang diperlukan pada setiap medan yang dipaparkan. Setelah selesai, klik pada butang **Daftar**.

e-PTG Kedah

Daftar akaun e-PTG Kedah

Sila masukkan maklumat dibawah.

Maklumat Peribadi

A

a

01

8

WAKIL PEGUAM

Alamat

B

D

Alamat 3

Alamat 4

4

P

SELANGOR

Katalaluan

.....

.....

Saya bersetuju dengan syarat dan terma

Daftar

Sudah mempunyai akaun?

Log Masuk

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

**Rajah 1.2.3 Pendaftaran Maklumat Akaun**

**Nota:**

Terdapat dua (2) pilihan **Jenis Akaun** yang perlu dipilih oleh pengguna iaitu sama ada **Individu** atau **Wakil Peguam**. Pilihan jenis akaun ini akan menentukan pilihan carian yang akan dipaparkan kepada pengguna semasa membuat Carian Persendirian atau Carian Rasmi.


- Notifikasi pendaftaran akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama**.



**Rajah 1.2.4 Pendaftaran Akaun Berjaya**


### 1.3 LOG MASUK KALI PERTAMA DAN VERIFIKASI AKAUN

1. Pada laman utama, klik pada butang **Log Masuk**. Sistem akan memaparkan halaman log masuk. Masukkan maklumat emel dan kata laluan pada medan yang dipaparkan dengan menggunakan maklumat ID yang telah didaftarkan dan kemudian klik pada butang **Log Masuk**.



Rajah 1.3.1 Log Masuk Sistem e-PTG

2. Halaman **Dashboard** akan dipaparkan. Jika pengguna log masuk buat kali pertama selepas pendaftaran, notifikasi pemberitahuan untuk menyemak emel bagi tujuan verifikasi akaun ataupun pengesahan akan dipaparkan.




Rajah 1.3.2 Notifikasi Semakan Emel Untuk Verifikasi

**Nota:**

Menu-menu pengguna sistem yang berdaftar tidak akan dipaparkan sehinggalah pengguna telah mengesahkan pendaftaran akaun mereka.

3. Buka emel pengguna dan semak emel yang diterima dari **e-PTG**. Kemudian klik pada pautan yang disertakan untuk mengesahkan pendaftaran akaun pengguna.




**Rajah 1.3.3 Emel Verifikasi Akaun e-PTG**

**Nota:**

Jika pengguna tidak menerima emel verifikasi ini selepas pendaftaran buat kali pertama, kembali pada halaman **Dashboard e-PTG** dan klik pada pautan **Hantar emel verifikasi baru?** untuk menerima semula emel verifikasi yang terbaru.

4. Notifikasi verifikasi dan pengaktifan akaun berjaya akan dipaparkan. Klik pada butang **Kembali ke Laman Utama** dan log masuk semula untuk membuat urusan carian persendirian.




**Rajah 1.3.4 Verifikasi Akaun Berjaya**

## 2.0 PEMBAYARAN CUKAI


### 2.1 CARIAN DAN SEMAKAN MAKLUMAT CUKAI TANAH

1. Untuk membuat pembayaran cukai, sila buat semakan bil cukai terlebih dahulu.
2. Untuk membuat semakan, klik pada butang **Tekan Sini** pada bahagian **Bayaran Cukai**.



Rajah 2.1.1 Pilihan Menu Bayar Cukai

3. Untuk meneruskan dengan proses pembayaran cukai, klik pada butang **Setuju dan Teruskan**.



Rajah 2.1.2 Pengesahan Persestujuan Terma Bayaran Cukai

4. Pada bahagian **Carian**, carian hakmilik boleh dibuat dengan menggunakan dua (2) kaedah semakan iaitu melalui:
  - i. Nombor pegangan hakmilik atau nombor akaun **ATAU**
  - ii. Perincian maklumat hakmilik

The screenshot shows the 'e-PTG Kedah | Cukai Tanah' search page. At the top right is a shopping cart icon. Below the header is a search bar with the title 'CARIAN'. To the right of the search bar are two buttons: 'Muat Turun Manual' and 'Kembali ke Laman Utama'. The search bar is divided into two sections. The left section is titled 'Melalui No. Hakmilik / No. Akaun' with a circled '1' next to it. It contains a text input field with the placeholder 'No. Hakmilik / No. Akaun' and a smaller line of text '(cth: 020102GH/000003 / 067001000001)'. Below the input field are two buttons: 'Isi Semula' and 'Cari'. The right section is titled 'Melalui Perincian' with a circled '2' next to it. It contains a dropdown menu labeled 'Jenis Perincian' with the text 'Sila Pilih' and a downward arrow. At the bottom of the page, there is a footer with the text 'Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah' on the left and '© 2022' on the right.

**Rajah 2.1.3 Kaedah Carian Maklumat Cukai Hakmilik**

### 2.1.1 CARIAN MELALUI NOMBOR HAKMILIK/NOMBOR AKAUN


1. Untuk membuat semakan melalui nombor hakmilik atau nombor akaun, masukkan maklumat nombor hakmilik atau nombor akaun pada medan yang disediakan. Kemudian klik pada butang **Cari**.



The screenshot shows a search form titled "Melalui No. Hakmilik / No. Akaun". Below the title, it says "No. Hakmilik / No. Akaun" with an example "(cth: 020102GN000003 / 067001000001)". There is a text input field containing "020102GN000003". To the right of the input field is a yellow magnifying glass icon. Below the input field are two buttons: "Isi Semula" (Reset) and "Cari" (Search).

**Rajah 2.1.4 Carian Hakmilik Melalui Nombor Hakmilik/Nombor Akaun**

2. Jika maklumat hakmilik yang dimasukkan tidak wujud, sistem akan memaparkan mesej ralat seperti berikut.



**Rajah 2.1.5 Notifikasi Maklumat Hakmilik Tidak Wujud**

3. Jika maklumat hakmilik yang dimasukkan wujud, sistem akan memaparkan perincian maklumat hakmilik seperti berikut.

e-PTG Kedah | Cukai Tanah 🛒

---

**BUTIRAN HAKMILIK**

Hakmilik	02	Daerah	0
Hakmilik Sebelum Kini	02	Mukim / Bandar / Pekan	
No. Akaun	0	Jenis Hakmilik	
Kegunaan Tanah		No. Hakmilik	
PT / Plot / Lot	1		
Keluasan Tanah	111 Meter Persegi		

**BUTIRAN PEMBAYAR**

Nama	W
Alamat Surat Menyurat	Alamat 1: 35 Alamat 2: 0 Alamat 3: - Alamat 4: -

**PERIHAL BAYARAN**

#	PERIHAL	AMAUN (RM)
1	Cukai Tahunan (2022)	45.00
<b>Jumlah Perlu Dibayar</b>		<b>45.00</b>

Carian Baru
Cetak Bil
Tambah ke Bakul

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

**Rajah 2.1.6 Hasil Carian dan Semakan Hakmilik**

### 2.1.2 CARIAN MELALUI PERINCIAN MAKLUMAT HAKMILIK

1. Untuk membuat semakan melalui perincian maklumat, pilih **Jenis Perincian** terlebih dahulu. Terdapat tiga (3) jenis pilihan jenis perincian iaitu:
  - i. Cukai tanah **ATAU**
  - ii. Cukai petak/strata **ATAU**
  - iii. Lot
2. Jika pilihan jenis perincian adalah **Cukai Tanah**, masukkan maklumat seperti **Daerah**, **Mukim/Bandar/Pekan**, **Jenis Hakmilik** dan **No. Hakmilik** ke dalam medan yang disediakan.

Melalui Perincian

Jenis Perincian

Cukai Tanah

Daerah

01 - KOTA SETAR

Mukim / Bandar / Pekan

01 - MUKIM ALOR MALAI

Jenis Hakmilik

HSD - Hakmilik Sementara Daftar

No. Hakmilik

12345678

Isi Semula Cari

**Rajah 2.1.7 Carian Perincian Menggunakan Maklumat Cukai Tanah**

3. Jika pilihan jenis perincian adalah **Cukai Petak/Strata**, masukkan maklumat seperti **Daerah**, **Mukim/Bandar/Pekan**, **Jenis Hakmilik**, **No. Hakmilik**, **No. Bangunan**, **No. Tingkat** dan **No. Petak** ke dalam medan yang disediakan.

**Melalui Perincian**

Jenis Perincian

Cukai Petak / Strata

Daerah

01 - KOTA SETAR

Mukim / Bandar / Pekan

01 - MUKIM ALOR MALAI

Jenis Hakmilik

PN - Pajak Negeri

No. Hakmilik

12345678

No. Bangunan

1

No. Tingkat

1

No. Petak

1

Isi Semula Cari

**Rajah 2.1.8 Carian Perincian Menggunakan Maklumat Cukai Petak/Strata**

4. Jika pilihan jenis perincian adalah **Lot**, masukkan maklumat seperti **Daerah, Mukim/Bandar/Pekan, Kod Lot** dan **No. Lot** ke dalam medan yang disediakan.

**Melalui Perincian**

Jenis Perincian

Lot

Daerah

01 - KOTA SETAR

Mukim / Bandar / Pekan

01 - MUKIM ALOR MALAI

Kod Lot

1 - Lot


No. Lot

123456789


Isi Semula Cari

**Rajah 2.1.9 Carian Perincian Menggunakan Maklumat Lot**

5. Kemudian klik pada butang **Cari**.
6. Jika maklumat hakmilik yang dimasukkan tidak wujud, sistem akan memaparkan mesej ralat seperti berikut.




**Rajah 2.1.10 Mesej Ralat Cukai Tanah dan Cukai Petak/Strata**



**Rajah 2.1.11 Mesej Ralat Lot**

7. Jika maklumat hakmilik yang dimasukkan wujud, sistem akan memaparkan perincian maklumat hakmilik seperti berikut.

e-PTG Kedah | Cukai Tanah 

---

**BUTIRAN HAKMILIK**

Hakmilik	02	Daerah	0
Hakmilik Sebelum Kini	02	Mukim / Bandar / Pekan	
No. Akaun	0	Jenis Hakmilik	
Kegunaan Tanah		No. Hakmilik	
PT / Plot / Lot	1		
Keluasan Tanah	111 Meter Persegi		

**BUTIRAN PEMBAYAR**

Nama	W
Alamat Surat Menyurat	Alamat 1: 35 Alamat 2: 0 Alamat 3: - Alamat 4: -

**PERIHAL BAYARAN**

#	PERIHAL	AMAUN (RM)
1	Cukai Tahunan (2022)	45.00
Jumlah Perlu Dibayar		45.00

[Carian Baru](#) [Cetak Bil](#) [Tambah ke Bakul](#)

---

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

**Rajah 2.1.12 Hasil Carian dan Semakan Hakmilik**

## 2.2 MEMBUAT PEMBAYARAN CUKAI

### 2.2.1 TAMBAH MAKLUMAT CUKAI KE BAKUL

1. Setelah carian semakan maklumat dibuat, untuk memuat turun salinan bil, klik pada butang **Cetak Bil**.

e-PTG Kedah | Cukai Tanah

**BUTIRAN HAKMILIK**

Hakmilik	0	Daerah	0
Hakmilik Sebelum Kini	0	Mukim / Bandar / Pekan	0
No. Akaun	0	Jenis Hakmilik	
Kegunaan Tanah		No. Hakmilik	
PT / Plot / Lot			
Keluasan Tanah	0.5036 Hektar		

**BUTIRAN PEMBAYAR**

Nama	
Alamat Surat Menyurat	Alamat 1: - Alamat 2: - Alamat 3: - Alamat 4: -

**PERIHAL BAYARAN**

#	PERIHAL	AMAUN (RM)
1	Cukai Tahunan (2022)	16.00
2	Cukai Tali Air	18.80
Jumlah Perlu Dibayar		<b>34.80</b>


[Carian Baru](#)
[Cetak Bil](#)
[Tambah ke Bakul](#)

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

Rajah 2.2.1 Cetak Bil

2. Bil akan dipaparkan dan klik pada butang  untuk memuat turun atau klik pada butang  untuk mencetak bil.






**Rajah 2.2.4 Tambah ke Bakul Berjaya**

5. Sekiranya pengguna ingin menambah hakmilik yang lain ke dalam bakul bagi membuat bayaran untuk beberapa hakmilik secara serentak, pengguna boleh mengulangi langkah membuat carian hakmilik dan tambah ke bakul.


**NOTA:** Jika pengguna tidak ingin menambah hakmilik ke dalam senarai bakul dan ingin meneruskan dengan proses pembayaran, sila langkau langkah ini dan lihat langkah nombor 4.

6. Setelah ditambah ke bakul, klik pada ikon troli.



**Rajah 2.2.5 Hakmilik Yang Telah Ditambah ke Bakul**


7. Senarai hakmilik di dalam bakul akan dipaparkan. Untuk membuang hakmilik daripada senarai, klik pada butang **Padam**.



**Rajah 2.2.6 Padam Hakmilik Dalam Senarai Bakul**


**NOTA:** Jika pengguna tidak ingin membuang hakmilik daripada senarai dan ingin meneruskan dengan proses pembayaran, sila langkau langkah ini dan lihat langkah nombor 7.

8. Mesej pengesahan akan dipaparkan. Untuk membuang hakmilik daripada senarai bakul, klik pada butang **OK**.




**Rajah 2.2.7 Pengesahan Padam Hakmilik Dalam Senarai Bakul**

9. Untuk membuat pembayaran, klik pada butang **Teruskan ke Pembayaran**.



Rajah 2.2.8 Teruskan ke Pembayaran


10. Halaman pilihan cara bayaran akan dipaparkan.



Rajah 2.2.9 Ringkasan Jumlah Bayaran


## 2.2.2 PEMBAYARAN MENGGUNAKAN PERBANKAN ATAS TALIAN (FPX)

1. Untuk membuat pembayaran dengan menggunakan kaedah perbankan atas talian, klik pada medan pilihan **Bank** dan pilih bank yang dikehendaki.





Rajah 2.2.10 Pilihan Bank

2. Masukkan maklumat **Nama Pembayar** dan **Emel** pada medan yang disediakan. Kemudian klik pada butang **Bayar**.




Rajah 2.2.11 Buat Pembayaran

3. Pengguna akan dibawa ke halaman log masuk perbankan atas talian berdasarkan pilihan bank pengguna. Log masuk dan pilih akaun bayaran.




**Nota:**  
Langkah pembayaran melalui perbankan atas talian mungkin berbeza mengikut bank pilihan pengguna. Paparan pembayaran melalui Maybank2U ini hanyalah sebagai contoh rujukan sahaja.


- Halaman SMS TAC akan dipaparkan. Masukkan nombor SMS TAC dan klik pada butang **Confirm**.




- Klik pada butang **Return to Merchant's Page**.




6. Klik pada butang **Return to FPX**.





7. Klik pada butang **Click Here to Complete Your Transaction**.



8. Setelah transaksi pembayaran dilengkapkan, halaman ringkasan bayaran akan dipaparkan. Klik pada butang Muat Turun Resit untuk memuat turun salinan resit.



9. Klik pada butang  untuk memuat turun salinan resit bayaran atau klik pada butang  untuk mencetak salinan resit bayaran.



Rajah 2.2.12 Salinan Resit Bayaran Cukai

## 2.3 MELIHAT REKOD BAYARAN CUKAI TAHUN SEMASA

1. Untuk melihat rekod bayaran cukai tahun semasa sama ada sudah dibayar atau tidak, pada halaman carian hakmilik, masukkan maklumat hakmilik pada bahagian **Carian Melalui No. Hakmilik/No. Akaun** atau **Carian Melalui Perincian** dan klik pada butang **Cari**.

e-PTG Kedah | Cukai Tanah

CARIAN

Melalui No. Hakmilik / No. Akaun **1**

No. Hakmilik / No. Akaun  
(cth: 020102GN000003 / 067001000001)

Melalui Perincian **2**

Jenis Perincian

Sila Pilih

Isi Semula Cari

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

Rajah 2.3.1 Kaedah Carian Maklumat Cukai Hakmilik

2. Sistem akan memaparkan perincian maklumat hakmilik.
3. Skrol ke bahagian bawah halaman perincian maklumat hakmilik, akan dipaparkan bahagian **Perihal Bayaran**. Pada bahagian ini akan memaparkan rekod bagi bayaran tahun semasa yang telah dibuat. Pengguna juga boleh melihat dan mencetak kembali salinan resit bayaran yang telah dibuat dengan klik pada butang **Cetak Resit**.

PERIHAL BAYARAN

Status Bayaran

Cukai bagi hakmilik ini telah dibayar.

- No. Resit: 20
- Tarikh/Masa: 03/01/2022 09:26 AM
- Jumlah (RM): 89.00

#	PERIHAL	AMAUN (RM)
1	Cukai Tahunan (2022)	89.00
Jumlah Perlu Dibayar		0.00

Carian Baru Cetak Bil Cetak Resit

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah © 2022

Rajah 2.3.2 Rekod Bayaran Semasa Yang Telah Dijelaskan

### 3.0 SEMAKAN PERSERAHAN

1. Untuk membuat semakan perserahan, klik pada butang **Semak** pada bahagian **Semakan Perserahan**.



Rajah 2.3.1 Pilihan Menu Semakan Perserahan

2. Halaman **Carian Semakan** akan dipaparkan.

 A screenshot of the 'Carian Semakan' (Search) page. The page title is 'e-PTG Kedah | Semakan Perserahan'. The search form is titled 'CARIAN SEMAKAN' and includes three input fields: 'Pejabat' (with a dropdown menu showing 'Sila Pilih'), 'Urusan' (with a dropdown menu showing 'Sila Pilih'), and 'No. Perserahan' (a text input field). There are two buttons at the bottom right of the form: 'Isi Semula' and 'Cari'. At the top right of the form area, there are two buttons: 'Muat Turun Manual' and 'Kembali ke Laman Utama'. The footer of the page reads 'Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah' and '© 2022'.


Rajah 2.3.2 Halaman Carian Semakan Perserahan

3. Masukkan maklumat yang diperlukan pada setiap medan yang dipaparkan iaitu **Pejabat**, **Urusan** dan **No. Perserahan**. Kemudian klik pada butang **Cari**.

 A screenshot of the 'Carian Semakan' search form, similar to the previous one, but with data entered. The 'Pejabat' dropdown is set to 'PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN'. The 'Urusan' dropdown is set to 'PMT - Pindahmilik Tanah'. The 'No. Perserahan' text field contains '1/2021'. A yellow hand cursor is pointing at the 'Cari' button. The 'Isi Semula' button is also visible.


Rajah 2.3.3 Masukan Maklumat Carian Semakan Perserahan

4. Jika hasil carian tidak berjaya, sistem akan memaparkan mesej ralat.



Rajah 2.3.4 Hasil Carian Semakan Perserahan Tidak Wujud

5. Jika maklumat wujud, sistem akan memaparkan hasil carian status perserahan.



Rajah 2.3.5 Hasil Carian Semakan Perserahan Yang Wujud

6. Untuk mencetak hasil carian, klik pada butang **Cetak Carian**.

**Nota:**  
Cetakan hasil carian ini hanyalah sebagai contoh rujukan sahaja. Adalah diingatkan bahawa cetakan carian ini tidak sah untuk digunakan bagi sebarang urusan rasmi.